

Hasil penyelidikan pelajar tahun akhir Pemasaran Antarabangsa UMSKAL

25 kertas kerja berjaya dibentang

Oleh **ABDUL RASHID**

ABDUL RAHMAN

utusanabah@utusan.com.my

Um 15.5.2013 26

LABUAN 14 Mei - Kerja keras mahasiswa tahun akhir program Pemasaran Antarabangsa Universiti Malaysia Sabah ~~Kulitupa~~ Antarabangsa Labuan (UMSKAL) melakukan penyelidikan pemasaran akhirnya membuahkan hasil apabila mereka berjaya membentangkan 25 kertas kerja berkaitan isu semasa pemasaran.

Pensyarah Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan, Prof. Madya Dr. Norazah. Mohd. Suki berkata, pelajar-pelajar terlibat ternyata berjaya mengupas banyak isu pemasaran di Wilayah Persekutuan Labuan yang berlaku dalam persekitaran perniagaan masa kini.

“Kebanyakan hasil penyelidikan yang dibentangkan menjurus kepada cara, sikap dan perilaku dalam menentukan tabiat pembelian pengguna, cara hubungan pemasaran dan perkhidmatan serta pengaruh gaya hidup persekitaran yang mewujudkan komunikasi berkesan dalam pembelian.

“Jadi penyelidikan ini ternyata



KUMPULAN mahasiswa tahun akhir program Pemasaran Antarabangsa UMSKAL yang berjaya melakukan penyelidikan pemasaran dan membentangkan 25 kertas kerja berkaitan isu semasa pemasaran.

berjaya mengupas banyak isu-isu semasa yang boleh memberi manfaat dan panduan berguna,” katanya di sini baru-baru ini.

Menurut Norazah, melalui kajian penyelidikan yang telah dilaksana-

kan, pelajar didedahkan cara untuk menggunakan perisian Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) bagi menganalisis dan mentafsir segala data penyelidikan pasaran yang diperoleh.

Sehubungan itu, katanya, pelajar berpeluang memahami konsep dan teknik yang diperlukan bagi menjalankan penyelidikan pemasaran serta mengaplikasikan pengetahuan dalam menyelesaikan masa-

lah sebenar pemasaran.

“Hasil pembelajaran ini juga dapat menentukan dan mengenal pasti sifat dan skop penyelidikan yang dilakukan oleh para pelajar,” ujarnya.